



Kolej IACT menggunakan konsep kontemporari dari segi fokus dan pendekatan yang inovatif bagi melahirkan para pelajar yang kreatif dan berkemahiran.

# Membina pengalaman industri semasa belajar

SEJAK beberapa tahun yang lalu, Industri Pendidikan Swasta telah berkembang dengan pesat, tanpa sempadan yang dapat membatasinya. Sehingga kini terdapat pelbagai Institusi Pendidikan Swasta di negara ini yang menawarkan pelbagai jenis kursus.

Tidak hairanlah mengapa para pelajar merasa kebingungan di dalam memilih Institusi Pengajian Tinggi bagi melanjutkan pelajaran mereka. Walau bagaimanapun, di dalam bidang Pengiklanan dan Komunikasi, Kolej IACT nyata terserlah.

Kolej IACT bermula di awal tahun 1970-an sebagai sebuah Jawatankuasa Pendidikan Bersama bagi Malaysian Advertisers Association (MAA) dan Association of Accredited Advertising Agents Malaysia (4As) dan seterusnya berkembang maju menjadi sebuah Institusi Pendidikan sepenuhnya pada tahun 1993. Ditubuh dan diasaskan oleh MAA dan 4As, Kolej IACT mempunyai pengalaman selama lebih 30 tahun di bidang Pendidikan dan Latihan yang menjurus kepada pengkhususan di dalam bidang Pengiklanan dan Komunikasi.

Dengan menggunakan konsep kontemporari sebagai fokus dan pendekatan yang inovatif, Kolej IACT telah melahirkan ramai pelatih dan ahli kreatif terkemuka di Malaysia. Para graduan dan kakitangan di Kolej IACT terdiri dari kalangan para profesional dalam industri kreatif di Malaysia dan luar negara.

Pengetahuan dan latihan yang mendalam yang diterima di IACT terbukti melalui kejayaan yang dicapai oleh para pelajar di beberapa siri pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa, seperti pertandingan Anugerah Kancil, InterAd, L'oreal, Anugerah Crowbar dan AdWave.

Anugerah Kancil atau lebih dikenali sebagai "Kancil Awards" merupakan pertandingan tahunan yang dianjurkan oleh 4As, bagi mengiktiraf hasil-hasil kerja kreatif terbaik yang dihasilkan di dalam industri pengiklanan Malaysia. Di dalam kategori untuk pelajar, pelajar IACT telah memenangi anugerah tersebut selama beberapa tahun.

Manakala InterAd pula adalah merupakan pertandingan kempen pengiklanan sedunia yang

dianjurkan setiap tahun oleh Persatuan Pengiklanan Antarabangsa (IAA), berpusat di New York. Pertandingan ini menyaksikan penyertaan para pelajar dari kolej dan universiti seluruh dunia.

Pada tahun 2000, sekumpulan pelajar IACT telah muncul sebagai Juara Dunia setelah berjaya menewaskan lebih 100 penyertaan dari 30 buah Negara. Kemenangan tersebut bukan sahaja telah mengharumkan nama Kolej IACT, tetapi juga Malaysia.

Kejayaan berterusan yang telah diraih oleh para pelajar adalah disebabkan oleh pendedahan berterusan kepada industri yang berhubungkait dengan bidang mereka sejak hari pertama mereka belajar sehingga tamat pengajian di IACT.

Pendedahan tersebut termasuklah penglibatan para pelajar berurusan secara terus dengan klien yang sebenar. Para pelajar akan diberi tanggungjawab di dalam membentangkan cadangan promosi pemasaran mereka kepada klien di mana Pensyarah hanya akan menyelia dan menjadi penasihat. Selain untuk memberi pengalaman sebenar kepada para pelajar di dalam membuat cadangan pemasaran, pendedahan ini akan memberikan para pelajar peluang untuk menilai sama ada idea-idea yang mereka hasilkan berupaya dilaksanakan dalam industri sebenar. Di IACT, tenaga pengajar menerapkan teknik pembelajaran yang unik, kreatif dan mempunyai daya komersial yang tinggi.

Kolej IACT menawarkan kursus-kursus seperti Sijil Komunikasi Massa, Diploma Periklanan dan Komunikasi, Diploma Komunikasi Massa, Diploma Kreatif Multimedia, Diploma Komputer Grafik dan Diploma Penyiaran. Para graduan dalam Kursus Diploma akan mempunyai akses untuk menyambung Ijazah mereka selama satu hingga satu setengah tahun di Universiti – Universiti yang bergabung dengan Kolej IACT di Amerika, Australia, New Zealand dan United Kingdom.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kolej IACT, sila layari laman web Kolej IACT di [www.iact.edu.my](http://www.iact.edu.my) atau hubungi 03-7956 0211. (Sila kunjungi Hari Terbuka Kampus Kolej IACT pada 27 dan 28 Mac 2010 dari pukul 10.00 pagi hingga 4.00 petang.)



Para pelajar IACT merangkul tempat pertama di dalam L'oreal Brainstorm yang dianjurkan oleh L'oreal, Malaysia.